



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA PENYELENGGARAN DAN MENCUCI SISTEM PERPARITAN DARI KG. LADANG SAHAT, JALAN TEKUKUR HINGGA KE LORONG KIAMBANG DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 111/2025)	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21	RM20.00
2	KERJA-KERJA PENYELENGGARAN DAN MENCUCI SISTEM PERPARITAN DI KAWASAN PERPINDAHAN TOK ADIS 2 HINGGA KE JALAN PASIR PANJANG DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 112/2025)		
3	KERJA-KERJA PENYELENGGARAN DAN MENCUCI SISTEM PERPARITAN DI KAMPUNG LOSONG HAJI MAT SHAFIE, KG CHABANG TIGA,KG. DURIAN BURUNG DAN SEKITARNYA KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 113/2025)		

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **ISNIN 25 OGOS 2025** hingga **ISNIN 1 SEPTEMBER 2025** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Deraf Bank yang dibuat atas nama:
"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"
- Sebut harga ini akan ditutup pada hari SELASA 2 SEPTEMBER 2025.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan **"Tajuk"** dan **"No. Sebut Harga"** berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tawaran.**
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(**DATO' JUSMAN BIN IBRAHIM**)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu